

UM(CN/5 17) 07/02/2017

Rancang tambah enam lagi stesen minyak mini di Pahang

KUANTAN 6 Feb. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) merancang menambah enam lagi stesen minyak mini di Pahang pada tahun ini bagi keperluan pengguna di luar bandar.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga kini terdapat lebih 90 stesen minyak di negeri ini yang diusahakan oleh koperasi dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Beliau berkata, sebanyak 24 stesen minyak mini di negeri ini dikendalikan Smart Stream Resources Sdn. Bhd. (SSRSB), iaitu syarikat pembekalan minyak petrol dan diesel manakala selebihnya dimiliki syarikat lain.

"Terdapat 200 stesen minyak di seluruh negara dan Pahang merupakan penyumbang terbesar bagi industri ini. Kami menjangkakan 30 stesen minyak di bawah kendalian SSRSB beroperasi tahun ini.

"Sebanyak tiga kawasan dikenali pasti dan tapak untuk mendirikan stesen minyak sudah disediakan iaitu di Keratong, Rompin; Tembeling Tengah, Jerantut dan Felda Kemasmul di Bentong. Tiga lagi dalam perancangan adalah di daerah ini, Jalan Kuantan Kemaman dan di

Kuala Lipis," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat SKM Pahang di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah SKM negeri, Datuk Mohamad Zawawi Mahmud.

Sementara itu, Abdul Fattah berharap kerajaan membuka peluang kepada koperasi untuk mendirikan stesen minyak di sepanjang laluan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) iaitu dari Gua Musang, Kelantan ke Negeri Sembilan.

"SKM dan Angkasa akan membantu koperasi untuk mengenal pasti stesen minyak di sepanjang laluan itu seterusnya mengadakan perbincangan dengan pihak konsesi lebuh raya terbabit serta kerajaan negeri," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berharap SKM terus memberi sokongan dan membantu koperasi dalam pembangunan perniagaan sektor berkenaan.

"Sehingga kini terdapat 1,068 koperasi di seluruh Pahang yang digalakkan menceburi bidang perniagaan berimpak tinggi bagi membolehkan ahli mendapat pulangan lumayan," katanya.



ABDUL FATTAH
ABDULLAH

Perpustakaan Koperasi
Malaysia